

Tinjauan pendapat harus ambil kira 32 juta rakyat Malaysia

PM tetap ambil maklum hasil dapatan mengenai rating menyusut

bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tinjauan pendapat bagi menilai setahun pentadbiran Kerajaan Persekutuan diterajuinya, harus bersandarkan suara 32 juta rakyat Malaysia.

Perdana Menteri berkata, penilaian itu tidak seharusnya bergantung pada pendapat sekelompok kecil walaupun beliau tetap mengambil maklum pandangan kumpulan kecil berkenaan.

"Kita mendengar pandangan itu (pandangan kelompok kecil), tetapi kita juga kena cuba menyantuni seramai 32 juta orang," katanya ketika ditemui pemberita selepas solat Jumaat dan makan tengah hari di Surau Al Furqan, Presint 11, di sini semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) dan Presiden PKR merujuk dapatan firma penyelidikan Merdeka Center dikeluarkan Rabu lalu yang mendapati rating Perdana Menteri menyusut hasil tinjauan pendapat membabitkan 1,200 responden.

Semalam genap setahun Anwar memimpin kerajaan di peringkat Persekutuan dengan gagasan Malaysia MADANI diperkenalkan beliau untuk membina hala tuju serta memandu negara ke tahap lebih berjaya dan maju.

Sementara itu, veteran DAP, Lim Kit Siang berpandangan, Anwar perlu diberi tempoh tiga hingga empat tahun sehingga Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16)



Anwar beramah mesra bersama jemaah ketika hadir menunaikan Solat Jumaat di Surau Al-Furqan, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

sebelum penilaian prestasi pentadbirannya dibuat bagi menentukan sama ada Ahli Parlimen Tambun itu berjaya atau tidak dalam mengemudi kerajaan.

"Ini termasuk komitmen pentadbiran Anwar dalam melunaskan janji pilihan rayanya," katanya mengakui terdapat banyak kritikan terhadap Perdana Menteri yang didakwa belum memenuhi janji pilihan rayanya.

"Saya ingin menggesa rakyat Malaysia memberikan Anwar tiga ke empat tahun sehingga PRU ke-16 sebelum menilai sama ada beliau berjaya atau gagal untuk memenuhi janji-janji pilihan rayanya," katanya menerusi catatan di blog beliau, semalam.

Beliau mendakwa, banyak pihak, terutama pemimpin pembangkang daripada BERSATU seperti Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang, tidak menyangka Anwar boleh kekal sebagai Perdana Menteri sehingga setahun.

"Apabila anda perlu bersaing demi politik, keutamaan yang

berbeza mula muncul kelihatan, tetapi apabila ada kestabilan politik dan Anwar tidak perlu sentiasa bimbang untuk ditumbangkan, jangkaan untuk beliau memenuhi janji-janji pilihan rayanya mula meningkat," katanya.

Menjelaskan situasi itu berbeza ketika Tun Dr Mahathir Mohamad masih bersama PH memimpin kerajaan pada 2019, Kit Siang berkata, beliau beberapa kali menggesa PH serius dengan janji pilihan raya.

"Sebanyak tiga kali dan pada 2019, saya beritahu Mahathir yang kerajaan PH perlu serius dengan janji pilihan rayanya dan saya dikejutkan dengan kenyataan Mahathir yang mengatakan janji pilihan raya ini bukanlah satu kitab suci.

"Beliau bersetuju untuk membentuk satu jawatankuasa untuk menyemak pelaksanaan janji-janji pilihan raya, yang akhir disia-siakan selepas berlaku konspirasi politik Langkah Sheraton yang menumbangkan kerajaan PH yang berusia hanya 22 bulan," katanya.